

SOALAN NO. 191

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan umur minimum perkahwinan bagi lelaki dan perempuan setiap negara di dunia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Bagi orang Islam, **Akta Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri Di Malaysia** memperuntukkan bahawa had umur minimum perkahwinan bagi lelaki ialah 18 tahun dan bagi perempuan pula 16 tahun. Sekiranya berada di bawah Had Umur, mereka masih boleh berkahwin dengan kebenaran Mahkamah Syariah dan persetujuan Ibu Bapa. Manakala bagi orang bukan Islam, undang-undang sivil iaitu **Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164)** secara umumnya memperuntukkan umur minima perkahwinan adalah 18 tahun. Namun perkahwinan dibenarkan untuk mereka yang berumur bawah 18 tahun dengan pasangan perempuan yang genap umur 16 tahun melalui kebenaran bertulis daripada Ketua Menteri (bagi kes bukan Islam) dan Mahkamah Syariah (bagi kes orang Islam).

Di peringkat global, kebanyakan negara di seluruh dunia mempunyai undang-undang khusus yang menetapkan umur minimum perkahwinan yang dibenarkan. Secara purata, umur minimum perkahwinan di kebanyakan negara mengikut undang-undang adalah pada umur 17 tahun

bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan. Namun perkahwinan lebih awal masih dibenarkan dengan memperoleh kelulusan mahkamah. Sesetengah negara mempunyai undang-undang umur minimum kahwin yang berbeza mengikut negeri. Sebagai contoh di Amerika Syarikat umur minimum perkahwinan yang dibenarkan adalah berbeza mengikut negeri bergantung kepada persetujuan ibu bapa dan hakim.

China merupakan negara yang menetapkan umur minimum perkahwinan tertinggi ketika ini di mana lelaki dan wanita hanya dibenarkan berkahwin pada umur masing-masing 22 tahun dan 20 tahun. Ini disebabkan oleh dasar kawalan penduduk yang diperkenalkan oleh kerajaan China bertujuan mengehadkan bilangan anak ke atas setiap pasangan.

Jadual 1: Umur Minimum Perkahwinan di Dunia

Negara	Lelaki	Perempuan
Singapura	18	18
Indonesia	19	16
Thailand	17	17
Filipina	18	18
China	22	20
India	21	18
Brunei	18	18

Negara	Lelaki	Perempuan
Korea Selatan	18	16
Jepun	18	16
Belanda	16	16
New Zealand	16	16
Sepanyol	16	16
Sweden	18	18
United Kingdom	16	16

Sumber : United Nations Population Division, United Nations Statistics Division, Committee on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

SOALAN : 192

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kos operasi pencarian MH370 setakat ini, kos keseluruhan serta pecahan kos yang ditanggung setiap negara yang terlibat.**

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk bersama-sama Kerajaan Australia dan Republik Rakyat China (RRC) menanggung kos kerja *bathymetric* dan pencarian dasar laut bagi MH370 di Selatan Lautan Hindi yang meliputi kawasan seluas 120,000 kilometer persegi.

Secara keseluruhannya, kos pencarian dasar laut bagi MH370 di Selatan Lautan Hindi yang dipersetujui oleh ketiga-tiga buah negara adalah sebanyak AUD 180 juta. Daripada jumlah ini sebanyak AUD 100 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Malaysia, manakala Kerajaan Australia pula memperuntukkan sebanyak AUD 60 juta dan baki sebanyak AUD 20 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

SOALAN : 193

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apa tindakan mitigasi ataupun tindakan undang-undang yang diambil setakat ini selepas setahun laporan interim siasatan MH370 dikeluarkan. Juga nyatakan tindakan terhadap Vietnam yang melanggar protokol Operational Letter of Agreement atas kelewatan tindak balas Pengurusan Trafik Udara Vietnam semasa kejadian tersebut.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pada 25 April 2014, Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Penyiasat Bebas Antarabangsa bagi menyiasat kemalangan udara pesawat Penerbangan Malaysia MH370. Pasukan Penyiasat ini telah turut dianggotai oleh *accredited representatives* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan 2 negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Jawatankuasa ini akan mengeluarkan satu laporan penuh berhubung hasil siasatan termasuk syor penambahbaikan bagi keselamatan penerbangan awam.

Sehubungan dengan itu, tindakan mitigasi dan tindakan terhadap Vietnam hanya akan dapat ditentukan berdasarkan hasil siasatan tersebut.